

23/05/2003

Dr Ling letak jawatan (HL)

Mohd Azlan Jaafar; Kadir Dikoh; Veena Rusli; Magendran Rajagopal
PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang mengesahkan akan melepaskan jawatannya sebagai Presiden MCA, dijangka mengumumkan secara rasmi keputusannya pada mesyuarat jawatankuasa pusat (CC) parti itu, hari ini.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, beliau berpegang dengan keputusannya untuk meletak jawatan selepas menerajui parti itu sejak lebih 17 tahun lalu.

Beliau yang ditemui pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan pemimpin MCA Johor, Kelantan, Terengganu dan Melaka di pejabatnya di sini, semalam berkata, penggantinya juga akan diumumkan hari ini.

Timbalannya, Datuk Seri Lim Ah Lek, ketika dihubungi Berita Harian kelmarin juga membayangkan akan turut melepaskan jawatannya hari ini, yang dilihat sebagai tindakan terakhir dan terbaik bagi meleraikan pertelagahan dua puak dalam parti itu sejak tiga tahun lalu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang media selepas mempengerusikan Majlis Tertinggi (MT) Umno di Kuala Lumpur petang semalam, pula berkata beliau sudah lama bersetuju dengan hasrat Dr Ling untuk meletakkan jawatan jika tindakan itu dapat mengakhiri krisis parti berkenaan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), berkata beliau secara rasmi belum dimaklumkan mengenai peletakan jawatan Dr Ling sebagai Presiden MCA.

"Saya hanya mendapat tahu menerusi laporan akhbar. Jika beliau mengambil tindakan itu demi kepentingan parti, saya harap langkah ini dapat menyelesaikan segala masalah dalam parti," katanya.

Minggu lalu, Dr Ling dan Lim menemui Dr Mahathir secara berasingan dan kedua-duanya dikatakan bersetuju melepaskan jawatan masing-masing.

Berikutan itu, empat Naib Presiden MCA, Datuk Chan Kong Choy, Datuk Seri Ong Ka Ting, Datuk Chua Jui Meng dan Datuk Dr Fong Chan Onn, disebut-sebut akan mengambil alih jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

Dr Mahathir yang ditanya sama ada peletakan jawatan Dr Ling dan Lim dapat menyatukan semula dua puak dalam MCA, berkata BN tidak pernah mengiktiraf sebarang kumpulan, tetapi hanya menerima satu parti, iaitu MCA.

Mengenai masa depan Dr Ling dalam Kabinet, Perdana Menteri berkata keputusan akan dibuat apabila tiba masanya.

Awal Januari lalu, selepas mesyuarat Dewan Tertinggi BN, Dr Ling mengumumkan peletakan jawatannya daripada Kabinet, kali kedua dalam tempoh

tiga tahun.

Kali pertama Dr Ling mengumumkan hasratnya berundur daripada Kabinet ialah pada 22 Mei 2000, tetapi beliau dinasihatkan Perdana Menteri untuk menimbangkan balik keputusannya.

Sementara itu, Pengerusi MCA Johor, Datuk Dr Chua Soi Lek, berkata Dr Ling berkeras mahu meletakkan jawatannya, tetapi beliau yakin CC akan menolak hasrat Presiden MCA itu.